



Galeri  
Khazanah



# GALERI KHAZANAH

MINI EXHIBITION



JOURNEYING THROUGH  
MALAYSIAN ART,  
IMAGINATION  
AND LEGACY

MENGEMBARA MELALUI  
SENI, IMAGINASI  
DAN WARISAN  
MALAYSIA

19 JULY - 17 AUGUST 2024

THINK CITY @ BANGUNAN UAB  
GAT LEBUH CHINA, GEORGE TOWN





# VISITOR GUIDELINES



Please do not touch the artwork  
*Dilarang sentuh karya seni*



No flash photography  
*Lampu kamera adalah dilarang*



No food & drinks  
*Makanan dan minuman adalah dilarang*



No pets allowed  
*Binatang peliharaan tidak dibenarkan*



CCTV in operation  
*Kawasan kawalan CCTV*



# TABLE *of* CONTENTS

**01** MANAGING DIRECTOR'S FOREWORD  
*KATA ALU-ALUAN PENGARAH URUSAN*

---

**03** ABOUT GALERI KHAZANAH  
*MENGENAI GALERI KHAZANAH*

---

**05** OUR ART COLLECTION  
*KOLEKSI KARYA SENI KAMI*

---

**37** ACKNOWLEDGEMENT  
*PENGHARGAAN*

---

# MANAGING DIRECTOR'S FOREWORD



As Khazanah Nasional commemorates the significant milestone of our 30th anniversary, we celebrate the vibrant tapestry of Malaysian arts and culture. We are pleased to present the next instalment of Galeri Khazanah, titled **Journeying Through Malaysian Art, Imagination and Legacy**. This exhibition, hosted at Bangunan UAB Think City in George Town, Penang, from 19 July until 17 August 2024, showcases selected modern and contemporary artworks from our corporate collection, acquired since we started operations in 1994.

Building on the success of our inaugural event in 2022, the exhibition also highlights the contributions of ten Khazanah Artist Associate Residency Programme artists between 2017 and 2023. Through this curated selection spotlighting established talents and emerging voices, we aspire to celebrate the evolution and diversity of Malaysian art over the past three decades.

Bringing this exhibition to Penang represents a geographical expansion to foster a meaningful connection with our audience beyond Kuala Lumpur. With its vibrant arts community and cultural heritage, Penang provides an ideal setting for this interaction. In partnership with Think City we aim to provide a platform for art enthusiasts to connect, learn, and, most importantly, appreciate and support Malaysian arts and culture on a global stage.

Our dedication to Advancing Malaysia is not merely a slogan but a core pillar of our corporate ethos, and Galeri Khazanah in Penang is one of its tangible manifestations. Under our Advancing Malaysia strategy, we strive to build capacity and a vibrant community through various initiatives to promote and preserve Malaysian arts and culture. This edition of Galeri Khazanah in Penang reaffirms our dedication to supporting the arts as a catalyst for social progress and community development. We believe that art can inspire, unite, and uplift us, fostering connections and dialogue across diverse backgrounds and perspectives, especially as we navigate the transformations taking place around us.

I personally extend a warm invitation to all art enthusiasts and culture lovers to join us on this journey of exploration and discovery as we showcase the beauty and creativity of Malaysian artistry. We deeply appreciate your continued support, and your presence is invaluable to us.

**DATO' AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR**

Managing Director, Khazanah Nasional Berhad

## KATA ALU - ALUAN PENGARAH URUSAN



Sempena sambutan ulang tahun ke-30 Khazanah Nasional, kami meraikan kepelbagaian dan kekayaan seni dan budaya Malaysia. Kami berbesar hati mempersembahkan edisi terbaru pameran Galeri Khazanah, bertajuk **Mengembara Melalui Seni, Imajinasi dan Warisan Malaysia**. Pameran ini yang bertempat di Bangunan UAB Think City di George Town, Pulau Pinang, dari 19 Julai hingga 17 Ogos 2024, mempamerkan karya seni moden dan kontemporari terpilih daripada koleksi korporat kami, yang diperolehi sejak kami mula beroperasi pada tahun 1994.

Membina daripada kejayaan pameran sulung Galeri Khazanah pada tahun 2022, pameran ini juga menyetengahkan karya sepuluh artis daripada Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional dari tahun 2017 ke 2023. Melalui pemilihan susun atur yang menonjolkan bakat-bakat tersohor dan pelapis, kami bercita-cita untuk meraikan evolusi dan kepelbagaian seni Malaysia sepanjang tiga dekad yang lalu.

Hasrat kami membawa pameran ini ke Pulau Pinang mencerminkan peluasan geografi untuk memupuk hubungan bermakna dengan khalayak yang berada di luar Kuala Lumpur. Dengan komuniti seni yang rancak dan warisan budayanya, Pulau Pinang menyediakan persekitaran yang ideal untuk interaksi ini. Melalui kerjasama dengan Think City, kami berhasrat untuk menyediakan platform untuk peminat seni berhubung, belajar, dan yang paling penting, menghargai serta menyokong seni dan budaya Malaysia di pentas global.

Dedikasi kami untuk Memajukan Malaysia bukan sekadar slogan tetapi tonggak utama etos korporat kami, dan Galeri Khazanah di Pulau Pinang adalah salah satu manifestasi nyatanya. Di bawah strategi Memajukan Malaysia, kami berusaha untuk membina kapasiti dan komuniti yang berdaya melalui pelbagai inisiatif untuk mempromosikan dan memelihara seni dan budaya Malaysia. Edisi Galeri Khazanah di Pulau Pinang ini mengukuhkan komitmen kami untuk menyokong seni sebagai pemangkin kemajuan sosial dan pembangunan masyarakat. Kami percaya bahawa seni boleh menginspirasi, menyatukan dan mengangkat semangat kita, memupuk hubungan dan dialog merentasi pelbagai latar belakang dan perspektif, terutamanya semasa kita mengemudi transformasi yang berlaku di sekeliling kita.

Secara peribadi, saya mengalu-alukan semua peminat seni dan pencinta budaya untuk menyertai kami dalam perjalanan penerokaan dan penemuan ini sambil kami mempamerkan keindahan dan kreativiti seni Malaysia. Kami amat menghargai sokongan berterusan anda, dan kehadiran anda amat berharga bagi kami.

**DATO' AMIRUL FEISAL WAN ZAHIR**

Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad



Lobby | *Lobi*

Explore five thematic virtual rooms to discover Malaysia's diverse and vibrant heritage expressed through captivating artworks in Khazanah's collection.

*Terokai lima bilik maya bertema untuk menghargai warisan Malaysia yang pelbagai dan gemilang melalui karya seni yang menawan dalam koleksi Khazanah.*



Traditional House | *Rumah Tradisional*



Pavilion | *Pavilion*



Peranakan | *Peranakan*



Glass Room | *Bilik Kaca*



Explore our fourth exhibition "Harmony and Contrast: Honouring the Past, Celebrating the Present, Shaping a Vibrant Future" at [galeri.khazanah.com.my](https://galeri.khazanah.com.my) or follow our Instagram @ [galerikhazanahofficial](https://www.instagram.com/galerikhazanahofficial)

*Layari pameran keempat kami "Harmoni dan Kontras: Menghargai Masa Lalu, Merayakan Masa Kini, Membina Masa Depan yang Gemilang" di [galeri.khazanah.com.my](https://galeri.khazanah.com.my) atau ikuti Instagram kami @ [galerikhazanahofficial](https://www.instagram.com/galerikhazanahofficial)*



## A B O U T G A L E R I K H A Z A N A H

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) is pleased to present Galeri Khazanah, a virtual art gallery that aims to preserve and conserve Malaysian art since its inception in 2022. Khazanah's collection, gradually acquired since 1994, not only forms part of our corporate memory but also represents a crucial fragment of the nation's institutional memory, aiming to safeguard Malaysia's rich cultural heritage and provide a global audience with a digital window into our artworks.

Galeri Khazanah aims to enhance accessibility to knowledge and appreciation of heritage amid global demographic changes. The platform inventories, scans, and stores artwork data for thematic exhibitions. Under its Advancing Malaysia strategy, Khazanah's broader mission includes building capacity and supporting communities through its focus on preserving and recognising local arts and culture. Initiatives, including the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme, and various arts, heritage, and public spaces projects, are carried out together with Yayasan Hasanah and Think City.

These efforts aim to cultivate artistic talent, preserve Malaysia's cultural heritage for global recognition, and promote enduring appreciation of Malaysian art and vibrant communities.

## M E N G E N A I G A L E R I K H A Z A N A H


*Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dengan sukacitanya mempersembahkan Galeri Khazanah, sebuah galeri seni maya yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara seni Malaysia sejak pelancarannya pada tahun 2022. Koleksi Khazanah, yang diperolehi secara beransur-ansur sejak tahun 1994, bukan sahaja menjadi sebahagian daripada memori korporat kami tetapi juga merangkumi lipatan penting memori institusi negara, bermatlamat untuk melindungi warisan budaya Malaysia yang kaya dan menyediakan jendela kepada peminat seni global terhadap karya seni kita.*

*Galeri Khazanah berhasrat untuk meningkatkan kebolehcapaian terhadap pengetahuan dan penghargaan terhadap warisan di tengah-tengah anjakan demografi global. Platform ini mengambil inventori karya seni fizikal, mengimbas dan menyimpan data karya seni untuk pameran bertema. Sebagai sebahagian daripada strategi Memajukan Malaysia, misi besar Khazanah termasuk membina kapasiti dan menyokong komuniti melalui fokus terhadap pemeliharaan dan pengiktirafan seni dan budaya tempatan. Inisiatif, termasuk Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional, dan pelbagai projek seni, warisan dan ruang awam, dijayakan bersama Yayasan Hasanah dan Think City.*

*Usaha-usaha ini bertujuan untuk memupuk bakat seni, memelihara warisan budaya Malaysia untuk pengiktirafan global, dan menyemai penghayatan yang berterusan terhadap seni Malaysia dan komuniti yang berdaya.*

# *our* ART COLLECTION

Over 40 selected pieces from Khazanah's art collection



## **AHMAD FUAD OSMAN**

**See No Evil, Hear No Evil, Speak No Evil**, 2013

147cm x 122cm (triptych)

Acrylic on Paper | *Akrilik atas Kertas*



"See No Evil, Hear No Evil, Speak No Evil" offers a fresh take on the iconic Japanese maxim of the three wise monkeys, Mizaru, Kikazaru, and Iwazaru. Ahmad Fuad Osman's reinterpretation breathes new life into the ancient proverb, embodying its timeless principle through a contemporary lens.

*"See No Evil, Hear No Evil, Speak No Evil" menawarkan pandangan baru tentang pepatah Jepun ikonik tiga monyet bijak, Mizaru, Kikazaru dan Iwazaru. Tafsiran semula Ahmad Fuad Osman ini memberi nafas baharu kepada peribahasa purba, menjelmakan prinsip abadinya melalui lensa kontemporari.*



**AHMAD ZAKII ANWAR**

**Legong 1, 2 and 3, 2004**

217cm x 134cm (triptych)

Charcoal on Paper | *Arang atas Kertas*






After a transformative trip to Bali in the early 1990s, Ahmad Zakii Anwar began to infuse his art with the spirit of the Island of Gods. Since 1994, he has masterfully captured Balinese dancers, actors, musicians, and masks through his distinctive photorealistic style. Among his evocative works, three larger-than-life charcoal drawings of Legong dancers stood out in his "Disclosure" survey exhibition at Galeri PETRONAS, Kuala Lumpur, in 2008.

*Selepas perjalanan transformatif ke Bali pada awal 1990-an, Ahmad Zakii Anwar mula menerapkan seninya dengan semangat Pulau Dewata. Sejak 1994, beliau telah mahir menangkap penari, pelakon, pemuzik dan topeng Bali melalui gaya fotorealistiknya yang tersendiri. Di antara karyanya yang menggugah, tiga lukisan arang penari Legong yang lebih besar daripada kehidupan menonjol dalam pameran tinjauan "Disclosure" di Galeri PETRONAS, Kuala Lumpur, pada tahun 2008.*



### AJIM JUXTA

**Monomania: Ugut, 2018**  
183cm x 153cm  
Acrylic on Canvas  
*Akrilik atas Kanvas*



### AZAM ARIS

**Di Sepanjang Terusan: Selepas, 2018**  
133cm x 172cm  
Fabric and Acrylic on Canvas  
*Fabrik dan Akrilik atas Kanvas*

### HAFFENDI ANUAR

**Monument to Integrity XI, 2019**  
200cm x 76cm x 76cm  
Jesmonite Casts, Washers,  
Nuts, Bolts and Stainless Steel  
*Tuangan Jesmonite, "Washers",  
Nat, "Bolts" dan Keluli Tahan Karat*



In 2018, Ajim's captivating solo exhibition "Tugu | Ugut" at the PAM Centre in Kuala Lumpur featured his standout work "Monomania: Ugut". Following his return from the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme in 2017, this impressive showcase sprawled across seven floors and included a diverse array of paintings, installations, sculptures, drawings, and handwritten notes, demonstrating the breadth and depth of his creative vision.

*Pada 2018, pameran solo Ajim yang menawan "Tugu | Ugut" di Pusat PAM di Kuala Lumpur menampilkan karya menonjolnya "Monomania: Ugut". Selepas kepulangannya dari Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional pada 2017, pameran mengagumkan ini tersebar di tujuh tingkat dan termasuk pelbagai lukisan, pemasangan, arca, lukisan dan nota tulisan tangan, menunjukkan keluasan dan kedalaman visi kreatifnya.*

In his 2019 solo exhibition "Midday Stanza" in Singapore, Haffendi Anuar unveiled a compelling array of objects and materials, including wall sculptures and floor pieces like "Monument to Integrity XI", reminiscent of architectural fragments. This exhibition extended his creative journey from a three-month residency at Acme Studios in London in 2018, part of the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme.

This artwork portrays a serene scene of swimmers gracefully navigating expansive waters. Azam Aris adds a unique touch by incorporating gauze dressing into the depiction of the sky, adding an ethereal quality to this delicate composition. He was a recipient of the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme in 2017.

*Karya seni ini menggambarkan pemandangan tenang perenang dengan anggun menavigasi perairan yang luas. Azam Aris menambah sentuhan unik dengan memasukkan pembalut kasa ke dalam gambaran langit, menambah kualiti halus pada gubahan seni ini. Azam Aris merupakan penerima Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional 2017.*

*Dalam pameran solonya "Midday Stanza" di Singapura pada tahun 2019, Haffendi Anuar memperkenalkan pelbagai objek dan bahan yang menarik, termasuk arca dinding dan kepingan lantai seperti "Monument to Integrity XI", mengingatkan serpihan seni bina. Pameran ini melanjutkan perjalanan kreatif beliau dari residensi selama tiga bulan di Acme Studios di London pada 2018, sebahagian daripada Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional.*



## HARON MOKHTAR

**Khoo Kongsi**, 1999

107cm x 82cm

Acrylic on Canvas | *Akrilik atas Kanvas*

Haron Mokhtar's captivating depiction of the Khoo Kongsi clan house in Penang showcases the grandeur of the largest Hokkien complex, renowned for its elaborate and highly ornamented architecture. In a touching addition, the lower section of the painting features two maternal figures tenderly holding an infant, adding a layer of human warmth to the intricate rendition of the building. Haron Mokhtar's artistry is celebrated for its heritage-themed illustrations of famous Malaysian landmarks and societal scenes.

*Penggambaran Haron Mokhtar yang menawan tentang rumah klan Khoo Kongsi di Pulau Pinang mempamerkan kemegahan kompleks Hokkien terbesar, yang terkenal dengan seni bina yang rumit dan berhias tinggi. Dalam tambahan yang menyentuh hati, bahagian bawah lukisan tersebut menampilkan dua figura ibu yang memegang bayi dengan lembut, menambahkan lapisan kemesraan manusia pada penampilan bangunan yang rumit. Kesenian Haron Mokhtar diraikan kerana ilustrasi bertemakan warisan tentang mercu tanda Malaysia yang terkenal dan adegan masyarakat.*



## HARON MOKHTAR

**Nagore Shrine**, 1999

71cm x 97cm

Mixed Media on Canvas

*Media Campuran atas Kanvas*

In this piece, Haron Mokhtar immortalises the Nagore Durgha Sheriff, Penang's oldest Indian Muslim shrine, built in the early 19th century. Dedicated to Syed Shahul Hamid, a revered 13th century Sufi saint from Nagore, India, the painting beautifully conveys this iconic landmark's historical and spiritual significance. Through his unique lens, Haron Mokhtar brings to life the intricate details and profound heritage of this sacred site.

*Dalam karya ini, Haron Mokhtar mengabadikan Sheriff Nagore Durgha, kuil India Muslim tertua di Pulau Pinang, yang dibina pada awal abad ke-19. Didedikasikan kepada Syed Shahul Hamid, seorang wali sufi abad ke-13 yang dihormati dari Nagore, India, lukisan ini menyampaikan dengan indah kepentingan sejarah dan rohani mercu tanda ikonik ini. Melalui lensa uniknya, Haron Mokhtar menghidupkan butiran rumit dan warisan mendalam tapak suci ini.*





## ISMAIL HASHIM

### Kitchen Corner...View from Outside

76.5cm x 67.5cm

Hand-Tinted Black and White Silver

Gelatin Prints

*Cetakan Gelatin Perak Berwarna Hitam dan Putih dengan Tangan*


In "Kitchen Corner...View from Outside", Ismail Hashim presents an exterior view of a window ledge adorned with pots of bougainvillea. The composition features a partially open window louvres, revealing an orderly arrangement of colanders and cooking pots on the glass panes, with a kitchen towel elegantly draped over the window frame. This image exemplifies Ismail Hashim's ability to transform the mundane into a tableau of quiet beauty and contemplation.

*Dalam "Kitchen Corner...View from Outside", Ismail Hashim mempersembahkan pemandangan luar birai tingkap yang dihiasi dengan pasu bunga bougainvillea atau dikenali dengan panggilan bunga kertas. Komposisi ini menampilkan cermin tingkap yang dibuka separa, menampakkan susunan perkakas dapur seperti penapis dan periuk memasak yang teratur pada anak tetingkap kaca, dengan tuala dapur digantung dengan elegan pada bingkai tingkap. Imej ini mencontohkan keupayaan Ismail Hashim untuk mengubah duniawi menjadi latar belakang keindahan dan renungan yang tenang.*

## ISMAIL ZAIN

### Merak Kayangan at the Taj Intercontinental, 1984

108cm x 77.5cm  
Acrylic on Canvas  
Akrilik atas Kanvas




This painting draws inspiration from the late Ismail Zain's sojourn at the opulent Taj Mahal Hotel, presently known as The Taj Mahal Tower, in Mumbai, India. Ismail Zain employs a cool colour palette, dominated by blue and green hues, to delineate horizontal stripes. The central motif of the composition showcases the recurring doily pattern, a signature element frequently observed in Ismail Zain's oeuvre. This work exemplifies his meticulous attention to detail and ability to infuse everyday patterns with elegance and introspection.

Lukisan ini mendapat inspirasi daripada penginapan Allahyarham Ismail Zain di Hotel Taj Mahal yang mewah, yang kini dikenali sebagai Menara Taj Mahal, di Mumbai, India. Ismail Zain menggunakan palet warna sejuk, didominasi oleh warna biru dan hijau, untuk menggambarkan jalur mendatar. Motif utama gubahan mempamerkan corak doily yang berulang, elemen tandatangan yang sering diperhatikan dalam karya Ismail Zain. Karya ini menunjukkan perhatiannya yang teliti terhadap perincian dan keupayaan untuk menyelitkan corak harian dengan keanggunan dan introspeksi.

## IZAT ARIF

### You Gotta Fight For Your Right To Party (No. 19), 2022

36cm x 60cm  
Ink and Gouache on Found Newsprint  
Dakwat dan Gouache atas Kertas Surat Khobar yang Ditemui



## JALAINI ABU HASSAN

**Pawang**, 2013

208cm x 177.5cm  
Charcoal on Paper  
Arang atas Kertas



Jalaini Abu Hassan's work "Pawang", which translates to "shaman", is a monochromatic charcoal drawing that portrays a life-sized figure enveloped in a long piece of fabric meticulously draped to cover the entire body. This piece exemplifies Jalaini's adeptness in merging cultural symbolism with intricate artistic techniques.

Dalam karya Jalaini Abu Hassan "Pawang", merupakan lukisan arang monokromatik yang menggambarkan sosok bersaiz sebenar yang diselubungi sehelai kain panjang yang dililitkan dengan teliti untuk menutupi seluruh badan. Karya ini menunjukkan kepandaian Jalaini dalam menggabungkan simbolisme budaya dengan teknik artistik yang rumit.

In 2021, Izat Arif was awarded the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme and spent three transformative months at Acme Studios in London. Reflecting on his residency, Izat Arif shared: "From 2020 to 2021, during the peak of global lockdowns, Boris Johnson, a notorious party enthusiast, and his inner circle held clandestine gatherings in their offices. As the public adhered to lockdown measures for safety, Boris and his cohorts partied unabashedly."

Pada 2021, Izat Arif telah dianugerahkan Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional dan meluangkan tiga bulan transformatif di Acme Studios di London. Mengimbuai pengalaman residensinya, Izat Arif berkongsi: "Dari 2020 hingga 2021, semasa kemuncak sekatan global, Boris Johnson, seorang peminat pesta yang terkenal, dan kalangan dalamannya mengadakan perhimpunan rahsia di pejabat mereka. Ketika orang ramai mematuhi langkah-langkah sekatan untuk keselamatan, Boris dan kumpulannya berpesta tanpa segan silu."

Joshua Kane Gomes participated in the Khazanah Nasional Associate Artist Residency Programme in 2023. He describes his work "Parasocial II" as an ongoing series of sculptures that delve into the dark side of unhealthy dependencies in relationships, particularly how one-sided infatuation can spiral into all-consuming delusions of intimacy. Drawing inspiration from the mythos of the Wendigo—a cursed, cannibalistic spirit doomed to eternal starvation—his works draw a thematic parallel to the illusionary familiarity often experienced with public personas. This eerie parallel reflects the journey of a fan-turned-stalker whose obsession grows increasingly frantic.

*Joshua Kane Gomes mengambil bahagian dalam Program Residensi Rakan Artis Khazanah Nasional pada tahun 2023. Beliau menyifatkan karyanya "Parasocial II" sebagai satu siri arca yang berterusan yang menyelidiki sisi gelap pergantungan yang tidak sihat dalam perhubungan, terutamanya bagaimana kegilaan berat sebelah boleh berlarutan dan khayalan keintiman yang memakan semua. Mendapat inspirasi daripada mitos Wendigo—semangat kanibal yang terkutuk dan ditakdirkan untuk kelaparan abadi—karyanya menggambarkan selari tematik dengan kebiasaan ilusi yang sering dialami dengan persona awam. Persamaan yang menakutkan ini menggambarkan perjalanan seorang peminat yang menjadi stalker yang obsesnya semakin menggila.*

Created in 1982, this stunning realist landscape painting by Khaw Sia vividly depicts Bukit Bendera, historically known as Penang Hill and Flagstaff Hill. Situated 830 meters above sea level, Bukit Bendera was first developed by Francis Light in 1788.

*Dihasilkan pada tahun 1982, lukisan landskap realistik yang indah oleh Khaw Sia ini menggambarkan dengan jelas Bukit Bendera, yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Pulau Pinang dan Bukit Flagstaff. Terletak 830 meter di atas paras laut, Bukit Bendera mula dibangunkan oleh Francis Light pada tahun 1788.*



## JOSHUA KANE GOMES

\*Parasocial II, 2022

93cm x 82cm x 47cm

Steel, Ropes, Emulsion-Coated Foam,  
Fabric and Polyester Fiber Fill  
*Keluli, Tali, Busa Bersalut Emulsi,  
Fabrik dan Isian Gentian Poliester*



## KHAW SIA

Penang Hill, 1982

116cm x 147cm

Oil on Canvas

*Cat Minyak atas Kanvas*



## KOK YEW PUAH

Camera View of Two Tourist  
in a Malaysian Town, 1995

167cm x 167cm

Oil on Canvas

*Cat Minyak atas Kanvas*

Kok Yew Puah was a celebrated artist renowned for his figurative paintings that captured the essence of urban culture in the 1990s. His work primarily focused on his hometown, Klang, where he drew inspiration from his family and children's friends. In 2022, Ilham Gallery honoured his extensive body of work with the exhibition "Kok Yew Puah: Portrait of a Malaysian Artist". Sadly, Kok Yew Puah passed away in 1999 at the age of 52.

*Kok Yew Puah merupakan seorang artis terkenal dengan lukisan kiasannya yang menangkap intipati budaya bandar pada 1990-an. Kerjanya tertumpu terutamanya di kampung halamannya, Klang, di mana beliau mendapat inspirasi daripada keluarga dan rakan-rakan anak-anaknya. Pada tahun 2022, Galeri Ilham memberi penghormatan kepada hasil kerjanya yang luas dengan pameran "Kok Yew Puah: Portrait of a Malaysian Artist". Malangnya, Kok Yew Puah meninggal dunia pada 1999 pada usia 52 tahun.*

## LATIFF MOHIDIN

### Serangga 24, 2012

125cm x 95cm

Mixed Media on Handmade  
Tibetan Paper

Media Campuran atas

Kertas Tibet Buatan Tangan



The "Serangga" drawings are executed with expressive vigour, characterised by bold lines, dynamic streaks, intricate dotted markings, and ink speckles. The sombre colour palette imbues the pieces with a sense of rawness and calculated spontaneity—hallmarks of Latiff's artistic style. The use of fibrous, handmade Tibetan paper endows the artwork with a unique textural quality akin to that found in his canvas work.

Latiff Mohidin's "Serangga" series represents an evolutionary corpus of 33 mixed media works on handmade Tibetan paper, delving into insects' intricate and enigmatic world. This creative endeavour was spurred during Latiff's engagement with the Bahasa Malaysia translation of Johann Wolfgang von Goethe's magnum opus, "Faust," which featured twelve drawings prominently in the publication.

Lukisan "Serangga" dihasilkan dengan semangat ekspresif, dicirikan oleh garis tebal, coretan dinamik, tanda titik yang rumit dan bintik dakwat. Palet warna suram menyemaikan kepingan dengan rasa mentah dan spontan yang dikira—ciri khas gaya artistik Latiff. Penggunaan kertas Tibet buatan tangan berserabut memberikan karya seni itu dengan kualiti tekstur yang unik seperti yang terdapat dalam karya kanvasnya.

Siri "Serangga" Latiff Mohidin mewakili evolusi 33 karya media campuran di atas kertas Tibet buatan tangan, menyelidiki dunia serangga yang rumit dan penuh teka-teki. Usaha kreatif ini telah dirangsang semasa penglibatan Latiff dengan terjemahan Bahasa Malaysia karya agung Johann Wolfgang von Goethe, "Faust", yang memaparkan dua belas lukisan yang menonjol dalam penerbitan itu.

## LATIFF MOHIDIN

### Serangga 26, 2012

125cm x 95cm

Mixed Media on  
Handmade Tibetan Paper

Media Campuran atas

Kertas Tibet Buatan Tangan





## LATIFF MOHIDIN


\***Shiraz 2**, 2015

127cm x 249cm x 46cm

Stainless Steel | *Keluli Tahan Karat*

"Shiraz 2" is a monumental stainless-steel sculpture that took centre stage in Latiff Mohidin's inaugural solo exhibition of sculptures, "Latiff Mohidin: Modern Sculptures, 2007 – 2015", held at The Edge Galerie, Kuala Lumpur, in 2015.

*"Shiraz 2" adalah arca keluli tahan karat monumental yang menjadi tumpuan utama dalam pameran sulung arca Latiff Mohidin, "Latiff Mohidin: Modern Sculptures, 2007 – 2015", yang diadakan di The Edge Galerie, Kuala Lumpur, pada 2015.*



## LATIFF MOHIDIN

\***Vessel 2**, 2013

54cm x 35cm x 35cm

Stainless Steel | *Keluli Tahan Karat*

Featured in Latiff Mohidin's first sculptural exhibition, "Latiff Mohidin: Modern Sculptures 2007–2015", curated by the esteemed art historian T. K. Sabapathy, this remarkable show showcased an array of Latiff's work from that period, including 31 works produced between 2007 and 2015. Each piece is meticulously conceptualised and executed, showcasing distinct formal and symbolic traits. Primarily using stainless and mild steel, and occasionally resin, the works are created through advanced technological processes in skilled workshops. Some pieces are vividly coloured with pigments, while most remain bare to emphasise their inherent material qualities. Latiff Mohidin's unwavering conviction is that his sculptures be recognised as modern.

*Ditampilkan dalam pameran arca pertama Latiff Mohidin, "Latiff Mohidin: Modern Sculptures 2007–2015", yang dikurasi oleh ahli sejarah seni yang dihormati T. K. Sabapathy, persembahan yang luar biasa ini mempamerkan pelbagai karya Latiff dari tempoh tersebut, termasuk 31 karya yang dihasilkan antara 2007 dan 2015. Setiap karya dikonseptualisasikan dan dilaksanakan dengan teliti, mempamerkan ciri formal dan simbolik yang berbeza. Terutamanya menggunakan keluli tahan karat dan lembut, dan kadangkala resin, karya-karya tersebut dihasilkan melalui proses teknologi termaju di bengkel mahir. Seseengah kepingan berwarna terang dengan pigmen, manakala kebanyakannya kekal tidak dicat untuk menekankan kualiti material yang wujud. Keyakinan Latiff Mohidin yang tidak berbelah bahagi ialah bahawa arcanya diiktiraf sebagai moden.*



"Rainbow Generation" is an exemplary work by Long Thien Shih, an astute social commentator who depicts an assembly of individuals from various generations juxtaposed with intriguing objects such as motor vehicles, a musical instrument, a robotic tower, and a statue. This ensemble is portrayed through a vibrant and colourful palette, further enhancing the surrealistic quality of his oeuvre.

"Rainbow Generation" ialah karya teladan oleh Long Thien Shih, seorang pengulas sosial yang cerdik yang menggambarkan himpunan individu daripada pelbagai generasi disandingkan dengan objek yang menarik seperti kenderaan bermotor, alat muzik, menara robotik dan patung. Komposisi ini digambarkan melalui palet yang bertenaga dan berwarna-warni, meningkatkan lagi kualiti surealistik karyanya.

## MAD ANUAR ISMAIL

**Pahlawan #6, 2017**

230cm x 235cm

Bronze, Mild Steel and Stainless Steel  
Gangsa, Keluli Lembut dan  
Keluli Tahan Karat



## LONG THIEN SHIH

